



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(20) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

23 Februari 2010

SIARAN MEDIA

PERAK TERIMA RM 26.5 JUTA GERAN TAHUNAN PBT 2010

IPOH 15 FEBRUARI 2010 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan Geran Tahunan 2010 sebanyak RM 26,497,745.00 juta kepada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini , Kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, Selain daripada itu KPKT juga menyediakan sumbangan membantu kadar bagi pembayaran cukai taksiran ke atas bangunan yang diduduki oleh bangunan kerajaan di bawah seliaan PBT di negeri ini berjumlah RM 6.07 juta bagi tahun 2010.

Kong berkata, sehingga 31 Disember 2009, Negeri Perak telah diluluskan peruntukan sebanyak **RM212 juta** bagi pelaksanaan projek-projek di bawah BP.1, BP.6 dan BP.31 di dalam RMKe-9. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM211.2 juta (99%)** telah dibelanjakan.

Tambahnya, pada tahun 2009, Negeri Perak juga telah menerima peruntukan berjumlah **RM51.6 juta (14%)** daripada **RM368.2 juta** yang telah diperuntukkan kepada PBT-PBT di seluruh negara dan sehingga Disember 2009, sejumlah **RM50 juta atau (97%)** telah dibelanjakan bagi melaksanakan **371 projek** di seluruh PBT di Negeri Perak.

Katanya, 15 PBT Negeri Perak yang menerima geran tahunan ialah Majlis Bandar Raya Ipoh RM 5 juta; Majlis Perbandaran Taiping RM2.8 juta; Majlis Daerah Kerian RM2.4 juta; Majlis Daerah Batu Gajah RM 1.7 juta; Majlis Daerah Tapah RM 1.7 juta; Majlis Perbandaran Telok Intan RM2.4 juta; Majlis Daerah Selama RM 807,849.00; Majlis Daerah Grik RM791,546.00; Majlis Daerah Lenggong RM499,193.00; Majlis Daerah Pengkalan Hulu RM534,806.00; Majlis Daerah Kampar RM1.7 juta; Majlis Daerah Tanjung Malim RM866,325.00; Majlis Daerah

Perak Tengah RM1.1 juta; Majlis Perbandaran Manjung RM2.7 juta dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar RM 1.3 juta.

Jelasnya, PBT merupakan sebuah agensi yang sentiasa dianggap penting berdasarkan kekerapan berurusan dengan rakyat kerana kebanyakan interaksi di antara kerajaan dan rakyat berlaku di peringkat tersebut.

Katanya, Ini penting bagi memastikan semua PBT di negeri ini melaksanakan tugas dengan cekap, cepat dan efektif dan seterusnya dapat menjamin mutu perkhidmatan PBT sentiasa dipantau dan ditambah baik sekali gus dapat mempertingkatkan perkhidmatan kepada pembayar cukai, jelasnya.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke zainal_shahrman@kpkt.gov.my